

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

STW201 - Pengantar Kerja Sosial

Masa: [3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Peperiksaan ini dibahagikan kepada dua Bahagian. Jawab TIGA (3) soalan dari Bahagian A dan SATU (1) soalan dari Bahagian B. Semua soalan dijawab dalam Bahasa Malaysia.

**BAHAGIAN A**

Pilih dan jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Bincangkan perkembangan pengetahuan kerja sosial seperti yang digalurkan oleh Johnson.  
[100 Markah]
2. Bincangkan evolusi dan pengaruh yang membentuk peranan dan fungsi kerja sosial.  
[100 Markah]
3. Huraikan tahap-tahap proses kerja sosial yang terpaksa dilalui oleh seseorang pekerja terlatih.  
[100 Markah]
4. Pilih dua pendekatan dalam kerja sosial dan bincangkan.  
[100 Markah]
5. Sebelum sesuatu pekerjaan diiktirafkan sebagai profesyen ia mesti mempunyai beberapa ciri. Nyatakan ciri-ciri tersebut dan kaitkannya dengan perkembangan kerja sosial sebagai suatu profesyen.  
[100 Markah]
6. Perkembangan kerja sosial sangat dipengaruhi oleh keutamaan dasar sosial yang ditetapkan oleh pemerintah sesebuah negara. Dengan melihat Malaysia sebagai contoh, bincangkan hubungan pemerintah dengan kerja sosial.  
[100 Markah]

## BAHAGIAN B

Pilih dan jawab SATU (1) soalan sahaja.

7. Ahmad ialah seorang pengurus pengeluaran sebuah kilang. Majikannya telah memaklumkan yang perkerjaan di kilang di Butterworth hanya akan bertahan selama enam bulan sahaja (berakhir Februari 1998). Semua pekerja di peringkat pengurusan telah ditawarkan pekerjaan di cawangan kilang di Johor Bahru. Jika enggan menerima tawaran tersebut mereka terpaksa berhenti kerja.

Sekiranya dia menerima tawaran pekerjaan itu, dia terpaksa menukarkan persekolahan anak-anaknya yang sedang berada di tahun peperiksaan utama iaitu UPSR, PMR dan SPM. Ketiga-tiga anaknya tidak bersetuju untuk berpindah.

Keadaan lebih merumitkan lagi, kerana isterinya baru memulakan rawatan penyakit kanser di hospital Mount Miriam Pulau Pinang. Tempuh rawatan dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya sepuluh hingga empat belas bulan.

Tanpa mengambil pekerjaan yang baru itu Ahmad tidak akan dapat menanggung keperluan keluarganya dan mengekalkan taraf hidup mereka serta melangsaikan hutang piutangnya. Pada masa yang sama keluarga Ahmad sangat-sangat memerlukan di samping mereka. Ahmad bercadang untuk memulakan perniagaan sendiri tetapi tidak begitu pasti memandangkan keadaan ekonomi yang ada sekarang. Dia sanggup menerima upah pekerjaan yang lebih kecil tetapi bimbang bebanan keluarga akan memberi tekanan kepada isteri dan anak-anaknya. Dalam kekusutan fikiran Ahmad datang berjumpa anda.

### SOALAN

Sebagai seorang pengamal kerja sosial generalis anda akan menggunakan pendekatan perkasaan. Bincang dan huraikan peringkat-peringkat perhubungan pertolongan yang akan anda lalui bersama klien ini (dari peringkat persediaan untuk bekerja bersama hingga mengenal pasti kekuatan klien). Sertakan contoh-contoh yang munasabah dalam jawapan anda.

[100 Markah]

..3/-

8. Sebagai seorang pekerja sosial terlatih dalam sebuah organisasi bercorak antara disiplin, anda telah ditugaskan untuk mengendalikan klien berikut.

Annie (seorang lelaki) adalah seorang pekerja seks yang disahkan mengidap HIV Positif. Dia telah menceburi bidang pekerjaan ini selama tujuh tahun. Dia datang dengan beberapa persoalan dan meminta pertolongan anda untuk menyelesaikannya.

- Annie ingin menjalani pembedahan menukar jantina. Dia akan bekerja keras untuk membiayai pembedahan ini.
- Dia ingin berkahwin dengan seorang lelaki asing. Lelaki ini tidak mengetahui kedudukan kesihatannya. Annie tidak bercadang untuk memberitahu. Annie juga tidak pernah memberitahu pengguna perkhidmatannya tentang kedudukan kesihatannya.
- Dia juga mahu menukar agama dari Islam kepada Kristian.
- Dia tidak mahu ahli keluarganya mengetahui tentang perkara-perkara yang ingin dilakukannya dan bercadang untuk terus berpura-pura seperti biasa terhadap mereka.

### SOALAN

- (a) Dengan merujuk kepada prinsip amalan kerja sosial yang dicadangkan oleh Miley & rakan, bincangkan cara anda mengendalikan klien ini.
- (b) Debatkan konflik nilai prinsip dan etika profesional serta nilai peribadi yang mungkin timbul dalam pengendalian klien ini dan bagaimana anda menyelesaikannya.
- (c) Apakah fokus perhubungan pertolongan yang akan dibeikan dalam situasi sebegini.

[100 Markah]

